



## NOTA MAKLUMAN

### ADUAN TUMPAHAN MINYAK DIESEL DARI MT SILVER ELITE DI PELABUHAN TANJUNG PELEPAS, JOHOR PADA 13 MAC 2016

#### TUJUAN

Nota makluman ini disediakan untuk makluman hasil siasatan yang telah dijalankan sebagai maklumbalas ke atas aduan tersebut.

#### LATARBELAKANG DAN PERKARA YANG INGIN DIMAKLUMKAN

2. Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor (JASNJ) telah menerima makluman melalui email daripada JAS Ibu Pejabat pada 13/3/2016 @ 6.29 petang. Kejadian dikatakan berlaku di Jeti Wharf No. 9 (N 1.345283°, E 103.550811°) Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) semasa kapal *tanker* MT Silver Elite, IMMO No. 9072484 memindahkan minyak kapal (*marine fuel oil*) ke kapal kargo Hansa Liberty, IMMO No. 9217034 untuk kegunaannya.
3. Daripada maklumat siasatan pada 13/3/2016 @ 6.40 petang insiden berlaku semasa aktiviti pemindahan minyak kapal akibat kerosakan injap penghantaran minyak. Aktiviti pemindahan minyak telah dihentikan dan anggaran minyak yang tertumpah ialah 100 hingga 150 liter. Pasukan *Emergency Response Team (ERP)* PTP telah digerakkan dan tindakan Tier 1 telah diaktifkan. Keadaan cuaca pada masa itu hujan, laut bergelora dan air sedang surut.
4. Daripada pemeriksaan yang dijalankan mendapati minyak yang tertumpah di laut berpecah dan semakin menipis dan meruap. Rondaan pemantauan yang dijalankan sejauh 13 km radius mendapati tiada kesan minyak kelihatan.

#### TINDAKAN-TINDAKAN YANG DIAMBIL OLEH JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI JOHOR DENGAN KERJASAMA PTP

5. Kapal-kapal tersebut kemudian dipindahkan ke kawasan labuhan untuk siasatan di lokasi N 1.263558°, E 103.553691° bagi MT Silver Elite dan N 1.271649°, E 103.573104° bagi Hansa Liberty.

6. Siasatan susulan pada 14/3/2016 @ 9.00 pagi telah dijalankan bersama pegawai Pelabuhan Tanjung Pelepas ke kawasan sekitar Jeti, sekitar pelabuhan dan kawasan labuhan tiada kesan minyak dijumpai. **Daripada pemeriksaan dan pemerhatian keadaan laut, kejadian ini dijangka tidak akan menyebabkan pencemaran ke negara jiran.**
7. Siasatan juga mendapati kejadian ini berlaku tidak disengajakan dan aktiviti pemindahan minyak dihentikan serta merta sebaik sahaja ianya dikesan. Kejadian dikatakan berlaku antara jam 15.30 – 15.45 dan dilaporkan kepada pihak berkuasa pelabuhan pada jam 16.00.
8. Daripada siasatan juga mendapati kejadian berlaku di atas kapal MT Silver Elite dan tidak melibatkan kapal Hansa Liberty. Oleh kerana injap yang rosak belum dapat diperbaiki semua aktiviti pemindahan minyak dihentikan serta-merta. Hanya kerja-kerja pembersihan minyak yang tumpah di atas kapal MT Silver Elite sahaja dilakukan buat masa ini.
9. Kerja-kerja pembersihan di atas kapal MT Silver Elite melibatkan pengumpulan *absorbent* yang digunakan dan dikategorikan sebagai buangan terjadual SW 410 sebanyak 3 tong drum bersaiz 100 liter.

## **PENUTUP**

Adalah dipohon untuk mengambil maklum mengenai siasatan yang telah dilakukan berkaitan dengan kes tersebut.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor  
14 Mac 2016